

NO SOALAN :19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
(ROMPIN)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 29.11.2017

Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan angka tunjuk kadar inflasi negara adalah terkawal di bawah 3%, tetapi pada hakikatnya rakyat mengeluh kerana kos sara hidup semakin meningkat. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah kaedah mengira kadar inflasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memantau dan mengambil langkah bagi membendung kenaikan kadar inflasi dan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang mendadak serta mengurangkan impak terhadap kos sara hidup golongan berpendapatan pertengahan dan

rendah. Kadar inflasi bagi 2016 dan 2015 mencatat 2.1%. Walau bagaimanapun, kadar inflasi bagi sembilan bulan pertama 2017 telah meningkat kepada 4%, terutamanya disebabkan oleh kenaikan semula harga minyak mentah global yang seterusnya menyebabkan peningkatan harga runcit minyak petrol dalam negara. Bagi tahun 2017, inflasi dijangka berada pada kadar 3% - 4%, sementara bagi tahun 2018 pula diunjur pada kadar 2.5% - 3.5%.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun inflasi keseluruhan bagi tempoh sembilan bulan berada pada kadar 4%, namun inflasi teras (*core inflation*) hanya pada kadar 2.5% bagi tempoh yang sama, masih rendah dan terkawal. Pengukuran inflasi teras tidak mengambil kira barangan yang naik turun harganya, bersifat sementara dan tidak mempunyai impak yang kekal kepada trend asas inflasi. Ini termasuk barangan yang harganya tidak menentu seperti sayuran segar dan makanan laut segar serta barangan yang dipengaruhi oleh kawalan harga kerajaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Inflasi dan kos sara hidup merupakan dua konsep yang berbeza. Oleh itu, tidak timbul isu untuk mengubah kaedah mengira

kadar inflasi. Kadar inflasi, diukur berdasarkan perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP). Ia merupakan kadar purata kenaikan harga barangan dan perkhidmatan. IHP dikira berdasarkan satu kumpulan barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak penggunaan semua isi rumah di negara ini. Harga barangan dan perkhidmatan yang digunakan untuk pengiraan IHP merupakan purata harga-harga yang diperolehi daripada lokasi pungutan harga barangan dan perkhidmatan di seluruh negara.

4. Sebaliknya, kos sara hidup pula merupakan jumlah perbelanjaan untuk barangan dan perkhidmatan yang ditanggung oleh isi rumah bagi mengekalkan taraf hidup pada tahap tertentu. Kos sara hidup ini ditentukan oleh cara isi rumah berbelanja. Corak perbelanjaan adalah berlainan bagi setiap isi rumah. Ia dipengaruhi oleh faktor seperti pendapatan, keperluan sosial dan riadah, struktur keluarga, umur ahli isi rumah dan kawasan kediaman mereka. Perubahan harga yang dibayar oleh isi rumah juga berbeza mengikut lokasi mereka berbelanja. Disebabkan perbezaan ini, kos sara hidup setiap isi rumah juga berbeza dan tidak dapat dicerminkan secara tepat menggunakan suatu angka purata seperti kadar inflasi.

5. IHP memberikan ukuran yang baik bagi perubahan dalam paras

harga keseluruhan barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi. Ia digunakan sebagai salah satu penunjuk dalam pelaksanaan dasar makroekonomi, seperti dasar monetari, yang bertujuan untuk mempengaruhi ekonomi secara lebih luas.

6. Kerajaan bagaimanapun prihatin dengan keluhan rakyat mengenai kos sara hidup yang tinggi. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bersepadu seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 dalam usaha menangani kenaikan inflasi dan meningkatkan perbelanjaan isi rumah. Antaranya adalah seperti meneruskan bantuan BR1M, pengurangan kadar cukai pendapatan individu, bantuan persekolahan, bantuan khas kewangan dan sebagainya.